

## Impak Ketidaktentuan Harga Minyak Kelapa Sawit Terhadap Masyarakat di Felda Lepar Hilir 1, Gambang

*(The Impact of Palm Oil Price Instability on The Community in Felda Lepar Hilir 1, Gambang)*

NurAisya Atierah Mohd Azahar<sup>1</sup>, Nor Hayati Sa'at<sup>2\*</sup>, NorFatiha Othman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: s62151@ocean.umt.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: norhayati@umt.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Email: norfatiha@umt.edu.my

### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Nor Hayati Sa'at  
(norhayati@umt.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Impak Positif  
Impak Negatif  
Ketidaktentuan Harga Minyak  
Kelapa Sawit  
Peneroka

#### KEYWORDS:

Positive Impact  
Negative Impact  
Palm Oil Price Volatility  
Settlers

#### CITATION:

NurAisya Atierah Mohd Azahar, Nor Hayati Saat, & NorFatiha Othman. (2024). Impak Ketidaktentuan Harga Minyak Kelapa Sawit Terhadap Masyarakat di Felda Lepar Hilir 1, Gambang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(10), e002952.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i10.2952>

Tujuan kajian ini untuk menganalisis impak ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit terhadap kesejahteraan hidup peneroka Felda. Hasil penjualan kelapa sawit merupakan sumber pendapatan yang utama bagi peneroka Felda untuk menampung kos penyaraan hidup keluarga mereka. Kajian ini meneliti tentang impak ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Felda dan dianalisis melalui tiga objektif iaitu demografi, impak positif dan impak negatif. Kajian ini menghasilkan satu alternatif lain dalam mengatasi masalah ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini bagi mengelakkan kesejahteraan hidup peneroka Felda terjejas. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui pendekatan kajian survei yang melibatkan seramai 100 orang peneroka di Felda Lepar Hilir 1, iaitu sebanyak 6 blok yang telah dipilih untuk mengedarkan borang soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa ramai peneroka yang mempunyai pekerjaan sampingan yang dijadikan sebagai pendapatan sampingan mereka daripada mengharapkan duit minyak kelapa sawit sahaja. Cadangan kajian masa depan ialah membuat kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual secara lebih mendalam pada setiap peneroka untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai impak ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit terhadap kesejahteraan hidup mereka. Kajian ini juga dapat memberi banyak peluang kepada pengkaji untuk menambahkan ilmu pengetahuan serta pengalaman kerana dapat mengaplikasikan kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik yang akan diedarkan secara rawak kepada peneroka Felda. Secara keseluruhannya, diharapkan agar

kajian ini dapat membantu pengkaji dalam menyelidik impak daripada berlakunya ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini terhadap kesejahteraan hidup peneroka Felda.

### ABSTRACT

The purpose of this study is to analyze the impact of palm oil price uncertainty on the well-being of Felda settlers. The sale of palm oil is the main source of income for Felda settlers to cover the cost of living for their families. This study examines the impact of the uncertainty of palm oil prices on the well-being of the Felda community and is analyzed through three objectives, namely demographics, positive impact and negative impact. This study produced another alternative in overcoming the problem of the uncertainty of palm oil prices to prevent the well-being of Felda settlers from being affected. This study uses a quantitative method through a survey research approach involving a total of 100 settlers in Felda Lepar Hilir 1 of 6 blocks that have been selected to distribute questionnaires. The results of the study found that many settlers have side jobs that are used as their side jobs instead of expecting money from palm oil alone. A suggestion for future research is to conduct a study using qualitative methods through in-depth interviews with each settler to find out in more detail about the impact of the volatility of palm oil prices on their well-being. This study can also provide many opportunities for researchers to add knowledge and experience because they can apply quantitative methods through questionnaires that will be distributed randomly to Felda settlers. Overall, it is hoped that this study can help researchers in researching the impact of the uncertainty in the price of palm oil on the well-being of Felda settlers.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada pada korpus ilmu dengan penambahan hasil dapatan di mana dapatan kajian ini menjelaskan bahawa lebih ramai yang terimpak dengan ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini. Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang telah menyiasat impak-impak yang berlaku terhadap kesejahteraan hidup peneroka Felda.

## 1. Pengenalan

Federal Land Development Authority (FELDA) merupakan satu agensi kerajaan Malaysia yang menangani isu atau masalah penempatan semula penduduk dari luar bandar yang miskin ke kawasan-kawasan yang hendak dibangunkan bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk (Abdollah et al., 2021). Menurut Evizal et al. (2021), Felda diwujudkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dengan objektif bagi membasmi kemiskinan melalui pembangunan tanah. Felda telah membuka tanah rancangan sebanyak 317 buah di seluruh Malaysia yang melibatkan 11 buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sabah (Rose & Elias, 2021).

Felda telah menetapkan tanah sebanyak 10 ekar bagi setiap peneroka iaitu bersamaan dengan 4 hektar (Zaimah et al., 2020). Setiap peneroka dibahagikan sama rata mengikut keluasan kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak atasan Felda. Tujuan penubuhan Felda ini memberi banyak penambahbaikan terutamanya dari segi kehidupan masyarakat dalam menjamin kehidupan yang lebih sejahtera. Penubuhan Felda ini juga dapat dilihat dengan jumlah penduduk yang berhijrah daripada miskin bandar ke kawasan pertanian yang lebih maju. Jumlah peneroka Felda yang telah terpilih adalah seramai 112,635 di seluruh Malaysia (Efendy et al., 2019).

Felda memfokuskan kepada dua jenis tanaman pertanian iaitu getah dan kelapa sawit. Kajian ini menumpukan kepada tanaman kelapa sawit iaitu tentang impak ketidakpastian harga kelapa sawit terhadap kesejahteraan hidup peneroka Felda. Kesan ekonomi yang melanda negara Malaysia telah menyebabkan berlakunya ketidakpastian harga minyak kelapa sawit lalu menjejaskan kehidupan peneroka Felda dan keluarga yang terpaksa mengharungi masalah yang dihadapi ini. Sebelum ini masalah ketidakpastian harga minyak kelapa sawit dapat diatasi dengan baik kerana hasil buah yang sangat lumayan dan ditawarkan dengan harga yang sangat tinggi oleh pengeksport dari negara luar. Kejatuhan harga minyak kelapa sawit kali ini memberi impak yang sangat besar kepada semua golongan peneroka Felda disebabkan mata wang Malaysia yang semakin jatuh (Ding et al., 2019).

Ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini telah memberi kesan yang amat besar kepada peneroka dan keluarga Felda. Harga kelapa sawit pernah menaik secara mendadak pada tahun 2021 menjadikan RM1200 untuk harga satu tan dan pada Jun 2023 telah jatuh kepada RM600 sahaja untuk satu tan (Farooq et al., 2019). Apabila berlaku ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini mengakibatkan peneroka Felda terpaksa mencari alternatif lain untuk menyara keluarga bagi menampung kos perbelanjaan harian mereka. Bukan mudah untuk mencari pekerjaan sampingan yang lain apabila harga minyak kelapa sawit yang tidak menentu kerana segelintir peneroka Felda tidak berdaya untuk meneruskan pekerjaan dan hanya mengharap duit daripada hasil minyak kelapa sawit sahaja (Jones, 2022).

Menurut Karlan dan Morduch (2019), ekonomi adalah bermula dengan idea bahawa orang membandingkan pilihan yang tersedia untuk mencapai matlamat mereka. Dalam ekonomi, sumber bukan hanya perkara fizikal seperti wang tunai dan lombong emas tetapi juga merupakan perkara yang tidak ketara seperti masa, idea, teknologi, pengalaman kerja dan juga hubungan peribadi (Hidayah et al., 2019). Kajian ini meneliti faktor ekonomi dengan merujuk kepada jenis pekerjaan sampingan yang mereka lakukan untuk menjana pendapatan lain daripada mengharap pendapatan minyak kelapa sawit. Faktor ekonomi memainkan peranan yang sangat penting di dalam ketidakpastian harga minyak kelapa sawit terhadap kesejahteraan hidup peneroka Felda ini.

### **1.1. Permasalahan Kajian**

Ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini dapat dikaitkan dengan masalah ekonomi yang melanda Malaysia. Bagi mengatasi masalah ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini peneroka Felda haruslah mencari alternatif lain bagi mendapatkan pendapatan lain selain daripada mengharap hasil jualan minyak kelapa sawit. Ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini telah menjejaskan kehidupan hidup peneroka Felda.

Kajian lepas juga menyatakan bahawa terdapat pelbagai impak akibat kejatuhan harga minyak kelapa sawit seperti berlakunya kelembapan ekonomi dunia akibat krisis kewangan melalui hasil kajian (Mareeh et al., 2022). Ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini memaksa peneroka Felda mencuba untuk mencari alternatif lain untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan selain mengharapkan duit daripada hasil minyak kelapa sawit yang diperoleh. Ini kerana peneroka Felda terpaksa mendapatkan pekerjaan sampingan untuk menyara kos perbelanjaan keluarga.

Kebanyakan peneroka mengupah orang untuk membuat penghasilan benih, baja, penggunaan jentera dan lain-lain lagi (Tenge et al., 2022). Apabila berlakunya ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini, menyebabkan peneroka kekurangan sumber kewangan untuk membayar upah peladang. Pada tahun 2021, kajian mendapati bahawa harga minyak kelapa sawit mempunyai impak positif yang menunjukkan bahawa harga minyak kelapa sawit telah mencecah RM6000 untuk satu tan melalui kajian (Ismail, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana, pertumbuhan sektor pertanian secara automatiknya terbahagi kepada dua sektor iaitu dalam jangka panjang atau jangka pendek (Ismail, 2020). Apabila berlakunya impak positif, menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan harga minyak kelapa sawit terhadap hidup peneroka Felda. Peneroka Felda juga telah menghasilkan penanaman baharu seperti jagung dan nanas yang mendapat permintaan tinggi daripada negara luar dan penanaman ini boleh dijadikan sebagai pendapatan sampingan daripada mengharapkan hasil minyak kelapa sawit sahaja. Selain itu, peneroka Felda juga boleh memfokuskan kepada pekerjaan sampingan mereka seperti menternak binatang, penoreh getah, pertanian dan sebagai pekerja kilang. Mereka boleh menjana pendapatan melalui pekerjaan sampingan untuk meneruskan kehidupan harian mereka dan sebagai perbelanjaan mereka.

Manakala bagi impak negatif pula, kebanyakan daripada peneroka Felda yang berumur lingkungan 70-80 tahun, tidak berupaya untuk melakukan pekerjaan sampingan atas faktor kesihatan yang menjadi punca utama mereka tidak melakukan pekerjaan. Di samping itu, impak negatif yang paling jelas dilihat ialah kos perbelanjaan terjejas dan hilang sumber pendapatan utama (Mareeh et al., 2022). Bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan sampingan semestinya merasakan impak ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini kerana mereka tidak mempunyai sumber pendapatan yang lain selain daripada hasil pendapatan jualan minyak kelapa sawit. Ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini akan meninggalkan kesan yang mendalam untuk peneroka Felda.

## 1.2. Objektif Kajian

Kajian ini mengandungi tiga objektif iaitu:

- i. Untuk mengenal pasti latar belakang demografi peneroka Felda yang terimpak daripada ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit terhadap kesejahteraan hidup.
- ii. Untuk menganalisis impak positif ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit terhadap kesejahteraan hidup peneroka Felda.
- iii. Untuk mengenal pasti impak negatif ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit terhadap kesejahteraan hidup peneroka Felda.

## 2. Sorotan Literatur

Menurut Suszczmilch (1762), latar belakang demografi ialah berhubungan dengan perubahan-perubahan pada umat manusia dari aspek kelahiran, pertumbuhan dan

kematian. Umur merupakan jangka masa hidup atau hayat seseorang yang mula dikira sejak lahir yang diklasifikasikan kepada tempoh kehidupan seseorang sejak dilahirkan (Wahab, 2020). Seterusnya, pendidikan merupakan proses membentuk manusia secara menyeluruh serta seimbang dan tujuan utama pendidikan adalah untuk mengembangkan potensi intelek, fizikal, emosi dan rohani manusia ke arah tahap kesempurnaan (Rahman et al., 2022). Tahap pendidikan ini penting untuk pengkaji mengenal pasti bagi mengetahui tentang tahap pendidikan keluarga peneroka Felda dan anak-anak. Antara faktor demografi ialah, jantina, latar belakang keluarga, masalah kesihatan dan jawatan yang dipegang dalam setiap blok yang ada di dalam Felda. Setiap Felda mengandungi pelbagai blok dan setiap masyarakat di dalam blok akan diberi kedudukan untuk mengendalikan serta mengawal aktiviti kemasyarakatan keluarga peneroka Felda.

Dari segi impak positif daripada ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit terhadap peneroka Felda ialah dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pekerjaan sampingan seperti menternak binatang atau menghasilkan penanaman baru seperti nanas yang mendapat permintaan tinggi dari negara luar. Bagi yang ada pekerjaan sampingan, sudah pastinya tiada halangan atau rintangan untuk menghadapi masalah ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini kerana mereka mempunyai pendapatan lain untuk menyara kos sara hidup keluarganya. Mereka dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pekerjaan sampingan mereka tanpa mengharapkan daripada hasil minyak kelapa sawit sahaja. Segelintir daripada peneroka Felda berjaya membuat pekerjaan sampingan dengan bermodalkan kepada hasil jualan minyak kelapa sawit seperti kegiatan pertanian seperti bercucuk tanam (Caska & Indrawati, 2018). Melalui pekerjaan sampingan itu juga, mereka dapat menampung kehidupan mereka seisi keluarga walaupun hasil minyak kelapa sawit tidak memberangsangkan.

Seterusnya dari segi impak negatif akibat daripada ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini ialah mereka hilang sumber pendapatan utama. Hasil pendapatan minyak kelapa sawit adalah sumber utama mata pencarian peneroka kerana mereka bergantung harap dengan hasil daripada jualan minyak kelapa sawit. Bagi peneroka yang berusia lingkungan 70-80 tahun, pasti akan merasakan kesan yang amat mendalam kerana mereka hilang mata pencariannya dan tidak mampu untuk melakukan pekerjaan sampingan. Menurut Azman et al. (2019) harga sawit tinggi tetapi pendapatan peneroka tidak meningkat. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka difahamkan bahawa harga jualan minyak kelapa sawit yang diterima peneroka adalah sekitar RM1,200 sahaja untuk satu tan pada Februari 2022 (Evizal et al., 2021). Mereka yang tiada pekerjaan sampingan akan merasakan kehidupan mereka susah kerana terpaksa menggunakan duit tabungan daripada hasil menjual kelapa sawit yang lalu. Mereka tidak boleh membuat simpanan kerana harga jualan sawit yang terlampau jatuh.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi edaran borang soal selidik iaitu survei kepada 100 orang peneroka Felda. Menurut Adzani dan Arif (2023), pendekatan kuantitatif ini juga mementingkan aspek-aspek pengiraan seperti peratusan, penambahan, jumlah dan banyak lagi yang berkaitan dengan angka. Populasi kajian adalah kumpulan sasaran pengkaji iaitu kumpulan kepada hasil kajian yang akan digeneralisasikan. Populasi di dalam kajian ini terdiri daripada penduduk di Felda Lepar Hilir 1 di daerah Gambang. Jumlah populasi yang dikenal pasti mengikut bancian tahun 2020 ialah seramai 458 orang di Felda Lepar Hilir 1, Gambang, Pahang (Din et al., 2019). Teknik pengumpulan data untuk kajian ini berdasarkan data primer dan sekunder. Data

primer diperolehi melalui borang soal selidik yang dilakukan secara bersemuka manakala data sekunder diperolehi melalui dokumen awam seperti jurnal, artikel dan laman web rasmi. Kaedah kajian kes dilakukan bagi menganalisis ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit yang berlaku sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup peneroka Felda. Sampel kajian telah diinterpretasikan daripada Krejcie dan Morgan (1970) (Bukhari, 2021) dan pengkaji telah menggunakan dua jenis sampel kajian iaitu persampelan bertujuan dan persampelan bola salji. Persampelan bertujuan ialah adalah untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu populasi seperti orang, tempat atau fenomena. Manakala bagi persampelan bola salji pula merujuk kepada responden kajian yang diminta untuk mencadangkan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk kajian.

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Latar Belakang Demografi dan Sosioekonomi

Jadual 1 menunjukkan latar belakang demografi dan sosioekonomi yang telah didapati daripada maklum balas responden dari borang soal selidik di Felda Lepar Hilir 1, Gambang. Pada Jadual 1 ini terdapat jenis gender, umur, blok, taraf perkahwinan, generasi, tahap pendidikan, bilangan anak, bilangan anak yang bersekolah, pendidikan anak-anak, bilangan anak bekerja dan tidak bekerja, pekerjaan utama, pekerjaan sampingan, jumlah pendapatan utama, jumlah pendapatan sampingan dan juga jenis pemilikan aset.

Jadual 1: Latar Belakang Demografi dan Sosioekonomi

Angkubah	Bilangan	Peratusan
<b>Gender</b>		
Lelaki	64	64
Perempuan	36	36
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Umur</b>		
40-50	12	12
51-60	11	11
61-70	54	54
71-80	23	23
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Blok</b>		
Blok 1	15	15
Blok 2	15	15
Blok 3	15	15
Blok 4	20	20
Blok 5	20	20
Blok 6	15	15
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Taraf Perkahwinan</b>		
Berkahwin	57	57
Duda/Janda	43	43
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Generasi</b>		
Pertama	80	80
Kedua	20	20
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Tahap Pendidikan</b>		



Sijil Rendah Pelajaran	39	39
Sijil Pelajaran Malaysia	44	44
Diploma	15	15
Lain-lain	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Bilangan Anak</b>		
1-2	1	1
3-4	39	39
5-6	39	39
7-8	17	17
9-10	4	4
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Bilangan Anak Yang Bersekolah</b>		
1-2	15	15
3-4	5	5
Tiada	80	80
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Pendidikan Anak-anak</b>	<b>Ada</b>	<b>Tiada</b>
Belum Bersekolah	2	98
Sekolah Rendah	9	91
SRP/PMR	6	94
SPM	39	61
STPM	10	90
Matrikulasi	10	90
Diploma	62	38
Ijazah	73	27
Sarjana	38	62
Doktor Falsafah	14	86
<b>Bilangan Anak Bekerja &amp; Tidak Bekerja</b>		
Anak Bekerja	90	10
Anak Tidak Bekerja	3	97
<b>Pekerjaan Utama</b>		
Peladang	100	100
<b>Pekerjaan Sampingan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
Penternakan	27	27
Pertanian	17	17
Penoreh Getah	9	9
Pekerja Kilang	10	10
Tiada	37	37
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Jumlah pendapatan utama</b>		
RM1000-RM2999	6	6
RM3000-RM4999	72	72
RM5000 ke atas	22	22
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Jumlah Pendapatan Sampingan</b>		
0	37	37
RM1000-RM2999	38	38
RM3000-RM4999	22	22
RM5000 ke atas	3	3
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
<b>Jenis Pemilikan Aset</b>	<b>Ada</b>	<b>Tiada</b>
Astro	95	5
Penapis Air	98	2

Talian Internet	74	26
Van/Lori	48	52
Kereta	100	0
Motor	100	0
Rumah Kedua	84	16

## 4.2. Impak Positif

Di dalam [Jadual 2](#) ini, perbincangan dapatan adalah berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Skor min yang diperoleh diinterpretasikan berdasarkan skala likert limat mata dan diadaptasi oleh [Mahamod dan Nor \(2012\)](#) seperti [Jadual 2](#).

Jadual 2: Skor min

Skor min	Interpretasi min
1.00 hingga 2.00	Rendah
3.00	Sederhana
4.00 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: [Mahamod dan Nor \(2012\)](#)

### 4.2.1 Faedah yang peneroka perolehi daripada melakukan pekerjaan sampingan

[Jadual 3](#) menunjukkan faedah yang peneroka peroleh daripada melakukan pekerjaan sampingan. Pernyataan yang mendapat skor tinggi adalah “untuk mengisi masa lapang” (4.26) diikuti dengan “untuk menambah pendapatan” (4.25). Bagi “untuk meningkatkan perbelanjaan anak yang masih bersekolah” mendapat skor sederhana dengan skor min (3.32). Kajian mendapati bahawa peneroka Felda di Felda Lepar Hilir 1 dapat faedah dan kebaikan yang banyak daripada melakukan pekerjaan sampingan untuk menjana pendapatan yang lebih. Manakala bagi pernyataan “untuk bersaing demi mengaut keuntungan yang banyak” adalah rendah iaitu dengan skor min (1.77) dan “untuk bersuka ria” juga mendapat skor min yang paling rendah iaitu dengan (1.70).

Jadual 3: Faedah Melakukan Pekerjaan Sampingan

Penyataan	Min
Untuk menambah pendapatan	4.25
Untuk mengisi masa lapang	4.26
Untuk bersaing demi mengaut keuntungan yang banyak	1.77
Untuk meningkatkan perbelanjaan anak yang masih bersekolah	3.32
Untuk bersuka ria	1.70

### 4.2.2 Aktiviti pekerjaan sampingan mengganggu pekerjaan utama kelapa sawit

Bagi [Jadual 4](#) adalah tentang pekerjaan sampingan mengganggu pekerjaan utama kelapa sawit iaitu sebanyak lima pernyataan dan yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu “lebih bijak dalam membuat perbelanjaan kewangan” (4.26), kemudian diikuti dengan “sebagai langkah untuk tidak mengehendkan perbelanjaan” (4.21) dan “meneroka pelbagai pengalaman demi pendapatan yang lumayan” dengan skor min (4.21) juga. Kajian mendapati bahawa peneroka di Felda Lepar Hilir 1 menganggap bahawa pekerjaan sampingan ini tidak mengganggu pekerjaan utama mereka dan lebih gemar untuk melakukan pekerjaan sampingan sebagai pendapatan sampingan daripada mengharapkan 100% pendapatan kelapa sawit sahaja. Manakala bagi pernyataan “boleh mengganggu kerja utama sebagai peneroka’ dan “bazir masa untuk membuat dua pekerjaan dalam satu masa” memperoleh min yang paling rendah iaitu (1.71).



Jadual 4: Pekerjaan Sampingan Mengganggu Pekerjaan Utama

Penyataan	Min
Boleh mengganggu kerja utama sebagai peneroka	1.71
Lebih bijak dalam membuat perbelanjaan kewangan	4.26
Sebagai langkah untuk tidak mengehadkan perbelanjaan	4.21
Bazir masa untuk membuat dua pekerjaan dalam satu masa	1.71
Meneroka pelbagai pengalaman demi pendapatan yang lumayan	4.21

#### 4.2.3 Persepsi peneroka sekarang berbanding dengan 5 tahun dahulu berkenaan harga minyak kelapa sawit

Bagi [Jadual 5](#) adalah tentang persepsi peneroka sekarang berbanding dengan 5 tahun dahulu berkenaan harga minyak kelapa sawit iaitu sebanyak lima pernyataan dan yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu “berpuas hati dengan pekerjaan yang dilakukan lima tahun dahulu” (4.14) dan diikuti dengan “lebih semangat kerja lima tahun dahulu” dengan skor min (4.19). Kajian mendapati bahawa peneroka di Felda Lepar Hilir 1 menganggap bahawa pekerjaan lima tahun dahulu lebih lumayan berbanding dengan pekerjaan yang dilakukan sekarang. Manakala bagi pernyataan “berpuas hati dengan pekerjaan yang dilakukan sekarang” (2.12) diikuti dengan “lebih semangat kerja sekarang” (2.07) dan “tahap pekerjaan sekarang lebih baik berbanding dulu” memperoleh min yang paling rendah iaitu (2.02).

Jadual 5: Persepsi Peneroka Sekarang Berbanding 5 Tahun Dahulu

Penyataan	Min
Tahap pekerjaan sekarang lebih baik berbanding dulu	2.02
Berpuas hati dengan pekerjaan yang dilakukan sekarang	2.12
Berpuas hati dengan pekerjaan yang dilakukan lima tahun dahulu	4.14
Lebih semangat kerja lima tahun dahulu	4.19
Lebih semangat kerja sekarang	2.07

#### 4.2.4 Pendapatan sekarang berbanding 5 tahun dahulu yang mana lebih mencukupi

Bagi [Jadual 6](#) adalah tentang pendapatan sekarang berbanding 5 tahun dahulu yang mana lebih mencukupi iaitu sebanyak empat pernyataan dan yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu “pendapatan lima tahun dahulu lebih mencukupi” (4.29) dan diikuti dengan “berjaya menyimpan pendapatan lima tahun dahulu lebih mencukupi” dengan skor min (4.29) juga. Kajian mendapati bahawa peneroka di Felda Lepar Hilir 1 menganggap bahawa pendapatan yang diperoleh 5 tahun dahulu lebih mencukupi daripada pendapatan sekarang. Manakala bagi pernyataan “pendapatan sekarang lebih mencukupi” (2.16) dan “berjaya menyimpan pendapatan sekarang lebih mencukupi” memperoleh min yang paling rendah iaitu (2.04).

Jadual 6: Pendapatan Sekarang Berbanding 5 Tahun Dahulu Mana Lebih Mencukupi

Penyataan	Min
Pendapatan sekarang lebih mencukupi	2.16
Pendapatan lima tahun dahulu lebih mencukupi	4.29
Berjaya menyimpan pendapatan sekarang lebih mencukupi	2.04
Berjaya menyimpan pendapatan lima tahun dahulu lebih mencukupi	4.29

#### 4.2.5 Kepelbagaian pekerjaan

Bagi **Jadual 7** adalah tentang aspek kepelbagaian pekerjaan iaitu sebanyak empat pernyataan dan yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu “adakah anda berhasrat untuk menghasilkan penanaman baharu yang mendapat permintaan tinggi dari negara luar sebagai langkah untuk menampung kos perbelanjaan” (4.44), diikuti dengan “adakah pekerjaan sampingan itu penting untuk mengatasi masalah kewangan” (4.17) dan “menurut pendapat anda, adakah pekerjaan sampingan ini penting bagi menangani masalah perbelanjaan anda” dengan skor min (4.15). Kajian mendapati bahawa peneroka di Felda Lepar Hilir 1 berhasrat untuk menghasilkan penanaman lain bagi menggantikan sawit sebagai salah satu alternatif lain untuk menjana pendapatan. Manakala bagi pernyataan “menurut anda, adakah anda dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pekerjaan sampingan apabila berlakunya ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini” memperoleh min sederhana iaitu (3.98).

Jadual 7: Kepelbagaian Pekerjaan

Penyataan	Min
Menurut anda, adakah anda dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pekerjaan sampingan apabila berlakunya ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini?	3.98
Adakah anda berhasrat untuk menghasilkan penanaman baharu yang mendapat permintaan tinggi dari negara luar sebagai langkah untuk menampung kos perbelanjaan?	4.44
Menurut pendapat anda, adakah pekerjaan sampingan ini penting bagi menangani masalah perbelanjaan anda?	4.15
Adakah pekerjaan sampingan itu penting untuk mengatasi masalah kewangan?	4.17

### 4.3. Impak Negatif

#### 4.3.1 Kesan daripada berlakunya kemelesetan ekonomi terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Felda

Bagi **Jadual 8** adalah tentang kesan daripada berlakunya kemelesetan ekonomi terhadap kesejahteraan hidup masyarakat Felda iaitu sebanyak lima pernyataan dan yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu “perbelanjaan terhad” (4.92). Kajian mendapati bahawa peneroka di Felda Lepar Hilir 1 terjejas dengan kemelesetan ekonomi yang berlaku sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup peneroka Felda. Manakala bagi pernyataan “membeli barang mengikut kehendak” dengan skor min (2.33), “membeli keperluan setiap tiga bulan” (1.93), diikuti dengan “melancong setiap tahun” (1.69) dan “kuasa beli tidak terjejas” (1.02) memperoleh min yang paling rendah.

Jadual 8: Kesan Kemelesetan Ekonomi

Penyataan	Min
Kuasa beli tidak terjejas	1.02
Perbelanjaan terhad	4.92
Membeli barang mengikut kehendak	2.33
Melancong setiap tahun	1.69
Membeli keperluan setiap tiga bulan	1.93

#### 4.3.2 Perbezaan hasil pendapatan sawit pada tahun 2021 dan 2023

Bagi **Jadual 9** adalah perbezaan hasil pendapatan sawit pada tahun 2021 dan 2023 tentang iaitu sebanyak lima pernyataan dan yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu “tahun 2021 merupakan tahun yang paling mewah bagi masyarakat FELDA” (4.23) dan “tahun 2021 adalah tahun perbelanjaan tanpa had bagi masyarakat FELDA” dengan skor min (4.10). Kajian mendapati bahawa peneroka di FELDA Lepar Hilir 1 lebih suka dengan kehidupan pada tahun 2021 di mana harga sawit telah mencecah RM4407 satu tan. Manakala bagi pernyataan “tahun 2023 merupakan tahun yang paling tinggi harga minyak sawit” (1.71), diikuti dengan “tahun 2023 lebih mewah pendapatannya berbanding tahun 2021” (1.68) dan “tahun 2023, masyarakat FELDA tidak mengalami masalah krisis kewangan” memperoleh min yang paling rendah iaitu (1.68) juga.

Jadual 9: Perbezaan Hasil Pendapatan Sawit 2021 & 2023

Penyataan	Min
Tahun 2023 lebih mewah pendapatannya berbanding tahun 2021	1.68
Tahun 2021 merupakan tahun yang paling mewah bagi masyarakat FELDA	4.23
Tahun 2023, masyarakat FELDA tidak mengalami masalah krisis kewangan	1.68
Tahun 2023 merupakan tahun yang paling tinggi harga minyak sawit	1.71
Tahun 2021 adalah tahun perbelanjaan tanpa had bagi masyarakat FELDA	4.10

#### 4.3.3 Sosioekonomi

Bagi **Jadual 10** sosioekonomi iaitu sebanyak empat pernyataan dan yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu “menurut anda, adakah masalah ekonomi menjadi punca utama berlakunya ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini” (4.68) dan “adakah disebabkan masalah ekonomi hingga berlakunya ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini telah menjejaskan tahap perbelanjaan anda” dengan skor min (4.66). Kajian mendapati bahawa peneroka di FELDA Lepar Hilir 1 memberi pandangan mereka bahawa masalah ekonomi punca utama tercetusnya ketidakpastian harga minyak kelapa sawit. Manakala bagi pernyataan “adakah anda pernah menggunakan wang simpanan anda untuk berbelanja sepanjang berlakunya masalah ekonomi ini sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup peneroka” (2.13) dan “adakah anda pernah menjual pemilikan aset anda seperti kereta untuk memperoleh wang sepanjang masalah ini tercetus” (1.50) memperoleh min yang paling rendah.

Jadual 10: Sosioekonomi

Penyataan	Min
Menurut anda, adakah masalah ekonomi menjadi punca utama berlakunya ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini?	4.68
Adakah disebabkan masalah ekonomi hingga berlakunya ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini telah menjejaskan tahap perbelanjaan anda?	4.66
Adakah anda pernah menggunakan wang simpanan anda untuk berbelanja sepanjang berlakunya masalah ekonomi ini sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup peneroka?	2.13
Adakah anda pernah menjual pemilikan aset anda seperti kereta untuk memperoleh wang sepanjang masalah ini tercetus?	1.50

#### 4.3.4 Kesejahteraan sosial

Bagi **Jadual 11** kesejahteraan sosial iaitu sebanyak empat pernyataan dan yang mendapat skor min pada tahap tinggi iaitu “menurut anda, adakah ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini akan menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat FELDA” (4.71) dan “adakah anda akan melakukan penanaman lain yang mendapat permintaan tinggi dari negara luar untuk menstabilkan kesejahteraan sosial keluarga” dengan skor min (4.58). Kajian mendapati bahawa peneroka di FELDA Lepar Hilir 1 ini akan menghasilkan penanaman baharu seperti nanas yang mendapat permintaan tinggi dari negara luar untuk menambah pendapatan sektor pertanian. Manakala bagi pernyataan “pada pandangan anda, adakah dengan menjalankan kegiatan penternakan mampu mengembalikan kesejahteraan hidup masyarakat yang terlalu bergantung dengan hasil jualan minyak kelapa sawit” (3.59) memperoleh min sederhana dan “menurut anda, wajarkah seseorang peneroka terus berhenti berharap dengan jualan hasil minyak kelapa sawit lalu tidak menghiraukan tentang kesejahteraan hidup mereka” memperoleh min yang paling rendah iaitu (1.07).

Jadual 11: Kesejahteraan Sosial

Penyataan	Min
Menurut anda, adakah ketidaktentuan harga minyak kelapa sawit ini akan menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat FELDA?	4.71
Adakah anda akan melakukan penanaman lain yang mendapat permintaan tinggi dari negara luar untuk menstabilkan kesejahteraan sosial keluarga?	4.58
Pada pandangan anda, adakah dengan menjalankan kegiatan penternakan mampu mengembalikan kesejahteraan hidup masyarakat yang terlalu bergantung dengan hasil jualan minyak kelapa sawit?	3.59
Menurut anda, wajarkah seseorang peneroka terus berhenti berharap dengan jualan hasil minyak kelapa sawit lalu tidak menghiraukan tentang kesejahteraan hidup mereka?	1.07

#### 4.3.5 Situasi keluarga peneroka sekarang berbanding dengan 5 tahun dahulu

Bagi **Jadual 12** situasi keluarga peneroka sekarang berbanding 5 tahun dahulu iaitu sebanyak enam pernyataan dan semua mendapat skor min pada tahap sederhana iaitu “peluang peningkatan pendapatan” (3.80), diikuti dengan “peluang pekerjaan” (3.71), “peluang peningkatan status sosial” (3.63), pemilikan aset (3.42), “peluang pendidikan untuk anak-anak” (3.26) dan “masalah sosial” dengan skor min (3.24). Kajian mendapati bahawa peneroka di FELDA Lepar Hilir 1 kebanyakannya situasi keluarga sekarang berbanding dengan 5 tahun dahulu sama sahaja.

Jadual 12: Situasi Keluarga Peneroka Sekarang Berbanding 5 Tahun Dahulu

Penyataan	Min
Pemilikan aset	3.42
Peluang pekerjaan	3.71
Peluang peningkatan pendapatan	3.80
Peluang peningkatan status sosial	3.63
Peluang pendidikan untuk anak-anak	3.26
Masalah sosial	3.24

## 5. Kesimpulan

Umumnya, kajian ini telah menunjukkan bahawa masyarakat FELDA sangat terkesan dengan impak ketidakpastian harga minyak kelapa sawit yang berlaku sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup peneroka FELDA. Daripada aspek demografi, majoriti responden mempunyai pekerjaan sampingan selain peneroka seperti penternak, pertanian, pekerja kilang dan sebagainya. Peneroka FELDA ini berkeinginan mencari jalan alternatif lain dengan melakukan pekerjaan sampingan bagi menyara kehidupan sekeluarga mereka. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan peneroka FELDA mempunyai ramai anak yang telah bekerja dapat menampung sedikit sebanyak perbelanjaan kepada keluarga mereka.

Hasil kajian juga mendapati bahawa ada beberapa golongan yang hanya menumpukan hasil kelapa sawit sahaja. Hal ini kerana peneroka yang berusia lingkungan 65 tahun ke atas tidak berdaya untuk melakukan pekerjaan sampingan atas faktor kesihatan. Hal ini akan menyebabkan perbelanjaan mereka terhad dan terpaksa berjimat cermat dalam berbelanja.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan agar dapat membantu pengkaji lain untuk meneliti dengan lebih mendalam tentang isu ketidakpastian harga minyak kelapa sawit ini dapat dikawal oleh semua pihak dan dapat mencari pelbagai alternatif lain untuk menanggung kos sara hidup keluarga mereka. Walaupun pekerjaan sampingan dapat menjamin kehidupan yang lebih sejahtera kepada masyarakat FELDA namun tidak semua peneroka yang berupaya melakukannya. Pihak FELDA perlu lebih cekap dalam membantu menyelesaikan masalah ini untuk memastikan kelestarian kehidupan masyarakat FELDA lebih terjamin.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada pihak UMT, penyelia, pensyarah dan juga responden yang telah memberikan kerjasama serta pandangan yang berharga. Penghargaan juga diberikan kepada pihak keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan sepanjang proses penyelidikan ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjadikan kajian ini satu pengalaman pembelajaran yang bermakna.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak melibatkan sebarang peruntukan atau bantuan kewangan dari mana-mana pihak. Tiada konflik kewangan yang perlu diambil kira dalam pelaksanaannya.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangannya atau penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Abdollah, M., Amiruddin, H., & Nordin, M. (2021, Mei 7). Effect of fibre length and composition on the tribological attributes of oil palm fibre polymeric composite: organic brake friction material. *Industrial Lubrication and Tribology*, 73(4), 614-620. <https://doi.org/10.1108/ILT-01-2021-0019>.
- Adzani, R., & Arif, M. (2023, Jun 30). Produksi dan kelapa sawit provinsi Kalimantan Barat dan Faktor-faktor yang mempengaruhinya. *Jurusan Akuntansi Politeknik Negeri Pontianak*, 19(1). 69-81. <https://doi.org/10.31573/eksos.v19i1.531>
- Azman, N., Samion, S., Moen, M., Hamid, M., & Musa, M. (2019, September 23). The anti-wear and extreme pressure performance of CuO and graphite nanoparticles as an additive in palm oil. *International Journal of Structural Integrity*, 10(5), 714-725. <https://doi.org/10.1108/IJSI-03-2019-0026>.
- Bukhari, S. (2021). Sample size determination using Krejcie and Morgan Table. *Research Gate*. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.11445.19687>
- Caska, C., & Indrawati, H. (2018, November 9). How to maintain sustainability of micro and small enterprises of crispy oil palm mushroom. *Journal of Science and Technology Policy Management*, 10(2), 431-456. <https://doi.org/10.1108/JSTPM-01-2018-0005>.
- Din, H., Hassan, N., & Noor, M. (2019). Structural Element Approach in Model Development of Federal Land Development Authority (FELDA). *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 1-1, 32-40. <https://doi.org/10.30880/jstard.2019.01.01.005>
- Ding, Y., Wu, J., Wang, J., Lin, H., Wang, J., Liu, G., Pei, X., Liu, F. & Tang, C.Y. (2019). Superhydrophilic and mechanical robust PVDF nanofibrous membrane through facile interfacial Span 80 welding for excellent oil/water separation". *Applied Surface Science*, 485, 179-187.
- Efendy Goon, D., Kadir, S.A., Hamimah, S., Latip, N.A., Rahim, S.A. & Mazlan, M. (2019). Palm oil in lipid-based formulations and drug delivery systems. *Biomolecules*, 9(2), 64-78.
- Evizal, R., Sari, R., Saputra, H., Setiawan, K., & Prasmatiwi, F. (2021). Pengaruh Irigasi terhadap Pertumbuhan dan Produksi Kelapa Sawit. *Jurnal Agrotropika*, 20(1), 58-67. <https://doi.org/10.23960/ja.v20i.4848>.
- Farooq, A., Shafaghat, H., Jae, J., Jung, S.C. and Park, Y.K. (2019). Enhanced stability of bio-oil and diesel fuel emulsion using Span 80 and Tween 60 emulsifiers. *Journal of Environmental Management*, 231 (10), 694-700.
- Hidayah, N., Ahmad, B. & Lucky, N. (2019). Factor affecting the disclosure of sustainability reporting", *International Journal of Commerce and Finance*, 5(2), 219-229
- Ismail, D. (2020). Teori ekonomi dan pengurusan kekayaan oleh Ibn Khaldun. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 127-132. [https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published\\_article/33966/Article\\_9.PDF](https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/33966/Article_9.PDF).
- Ismail, M., Alim, N., Shafiai, M., & Mawar, M. (2022). Impak harga minyak sawit terhadap Pertumbuhan Sektor Pertanian. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47-57. <https://doi.org/10.17576/doi>.



- Jones, D. (2022). Challenges in combating corruption in Malaysia: issues of leadership, culture and money politics. *Public Administration and Policy*, 25(2), 136-149. [https://doi.org/10.1108/PA\)-01-2022-0002](https://doi.org/10.1108/PA)-01-2022-0002).
- Karlan, D., & Morduch, J. (2019). *Economics Improve Your World* (illustrated ed.). Mc Graw Hill. [https://books.google.com.my/books/about/Economics.Html?id=u31jyAEACAAJ&source=kp\\_book\\_description&redir\\_esc=y](https://books.google.com.my/books/about/Economics.Html?id=u31jyAEACAAJ&source=kp_book_description&redir_esc=y).
- Krejcie R. V. & Morgan D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Sage Journals Educational and Psychological Measurement*, 38(1), 99. <https://doi.org/10.1177/doi>.
- Mahamod, Z., & Nor, U. (2012). Persepsi Guru Bahasa Melayu Terhadap Tahap Penerapan Kemahiran Generik di dalam Kelas. *Jurnal Teknologi*, 59, 9-19. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/download/179/178>.
- Mareeh, H., Prabakusuma, A., Hussain, M., Patwary, A., Dedahujaev, A., & Aleryani, R. (2022). Sustainability and profitability of Malaysia crude palm oil supply chain management: system dynamics modelling approach. *Nankai Business Review International*, 14(4), 2040-8749. <https://doi.org/10.1108/NBRI-01-2022-0003>
- Rahman, A., Munandar, S., Fitriani, A., Karlina, Y., & Y. (2022). Pengertian pendidikan, ilmu pendidikan dan unsur-unsur pendidikan. *Journal Unismuh*, 2(1). <https://journal.unismuh.ac.id/index.php/alurwatul>.
- Rose, R., & Elias, S. (2021). Implikasi Kejatuhan Harga Buah Kelapa Sawit dan Pengaruhnya Terhadap Pendapatan Penduduk Setempat. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 8(1), 56-86.
- Susczmilch, J. (1762). *Konsep dasar dan sumber data demografi*. College Sidekick. <https://www.collegesidekick.com/study-docs/5225523>.
- Tenge, F., Tahir, Z., & Raj, A. (2022). Persepsi Terhadap Penggunaan Teknologi Moden Dalam Penanaman Kelapa Sawit. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(9), 176-194. <https://journalarticle.ukm.my/19025/1/52068-170954-1-SM.pdf>.
- Wahab, M. (2020). Konsep Usia atau Lama-Waktu Bahasa Melayu dalam Bidang Linguistik Sejarah dan Perbandingan. *E-JBL*, 2(1). <https://ejbl.kuis.edu.my>.
- Zaimah, R., Novel Lyndon, Sarmila, M. S. & Mohd Yusof Hussain. (2020). Keberkesanan integrasi sawit meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 14(6), 152-163.